



Anggota sindiket memasukkan biodata dan gambar pelanggan dalam sistem JPN menggunakan perkakasan pendaftaran mudah alih.

Tiga ditahan jual MyKad di Sabah

BH
6/7/2015
ms 6

INFO

Modus operandi menjadi warganegara ekspres



» Sindiket proses warganegara untuk ahli perniagaan China di Kota Kinabalu

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias

wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu sebuah hotel di Kota Kinabalu, Sabah, tengah malam kelmarin dan menahan tiga individu yang sedang memproses MyKad baru untuk 'pelanggan', seorang ahli perniagaan warga China.

Mereka yang ditahan termasuk dua lelaki yang mempunyai akses kepada sistem Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan syarikat pengeluaran MyKad, manakala seorang lagi adalah wanita yang dipercayai ejen pekerja asing. Mereka yang ditahan itu berusia 30 hingga 40 tahun.

Ahli perniagaan China itu dipercayai membayar hampir RM1.3 juta untuk mendapatkan MyKad dan pasport Malaysia

Sumber berkata, serbuan dibuat menerusi Ops Warganegara Ekspres selepas risikan dan pemantauan berterusan kegiatan sindiket itu sejak Mei lalu.

"Ketika ditahan, sindiket itu sedang melakukan pengesahan cap jari pelanggan," katanya.

Dalam serbuan itu, SPRM turut menyita perkakasan unit pendaftaran mudah alih, termasuk komputer riba, pengimbas cap jari, cip MyKad dan perisian Tri-cube, selain pelbagai dokumen.

Jadi orang tengah

"Modus operandi sindiket itu ialah bertindak sebagai orang tengah menawarkan warganegara ekspres kepada warga asing disasar seperti ahli perniagaan dan mereka yang ada kepentingan di negara ini.

"Setelah pelanggan bersetuju, gambar dan biodata akan dibagikan kepada sindiket untuk proses MyKad. Sindiket itu kemudian berhubung dengan orang dalam di jabatan kerajaan untuk mengeluarkan MyKad.

"Malah, siasatan menunjukkan MyKad ibu dan bapa pelanggan juga akan disediakan untuk mengesahkan kewujudannya di ne-

gara ini," kata sumber berkenaan kepada BH.

Tahun lalu, wartawan BH yang menyamar sebagai isteri majikan warga asing membongkar satu sindiket di Sabah yang menguruskan warganegara ekspres pada harga RM150,000.

Menurut sumber, siasatan mendapati sehingga sekarang sindiket itu sudah menguruskan MyKad untuk kira-kira 15 pelanggan, membabitkan ahli perniagaan dari Indonesia, Bangladesh dan China.

"Pembayaran dibuat dalam mata wang Amerika Syarikat selepas MyKad ditempah siap," katanya kepada BH.

Sementara itu, Pengerah Siasatan SPRM, Datuk Mohd Jamidan Abdullah, mengesahkan tiga individu terbabit direman lima hari bagi membantu siasatan.

Kes paling rumit

"Ini adalah antara kes paling rumit yang berjaya diselesaikan kerana membabitkan isu pemerdagangan manusia, warganegara ekspres, pekerja asing ghaib, penguat kuasa belot, serangan siber dan kontrak ekspres.

"Warga asing sanggup memba-



Sindiket keluarkan pasport dan pelanggan menjadi warganegara ekspres



Contoh MyKad yang sudah diproses dan dijual kepada warga China.

yar untuk MyKad kerana dokumen Malaysia diiktiraf pada peringkat antarabangsa kerana selamat untuk perjalanan ke negara ketiga.

"Kita juga siasat kebarangharian mereka yang membeli MyKad turut menjalankan perniagaan haram di negara ini," katanya.

Untuk komen, hantar e-mel menerusi bhnews@bh.com.my atau di laman Facebook **BH Online**